

Mahathir tinjau projek pembangunan Langkawi

UM 2 SEP 2001
LANGKAWI 1 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tiba di sini petang ini untuk lawatan kerja dua hari bagi meninjau beberapa projek pembangunan di sekitar pulau peranginan ini.

Ketibaan beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat di sini dengan pesawat khas disambut oleh Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain,

Anggota Parlimen Langkawi Datuk Abu Bakar Taib, pegawai kerajaan dan pemimpin masyarakat.

Pada pagi esok, beliau dijadual meninjau perkembangan beberapa projek pembangunan termasuk projek kereta kabel di Teluk Burau.

Projek bernilai kira-kira RM45 juta itu yang dijangka siap Mac tahun depan menghubungkan kompleks membeli-belah bersepadu Oriental

Village dengan Gunung Machinchang setinggi 708 meter.

Dr. Mahathir juga dijangka meninjau projek pemulihan Pantai Kok di Teluk Burau sebelum melawat projek pembesaran Sungai Kuala Melaka.

Beliau akan bermalam di Kampong Tek Senik dan berlepas pulang petang esok.